



MEMO

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



Rujukan Kami: AADK 500-6/1/1 (16)

Tarikh: 5 Januari 2023

KEPADA	:	PENGARAH BAHAGIAN/ KETUA UNIT IBU PEJABAT SEMUA PENGARAH AADK NEGERI SEMUA PENGARAH PUSPEN PENGARAH PLAK
MELALUI	:	KP, TKP(P), TKP(O)
DARIPADA	:	PKP
PERKARA	:	HEBAHAN JADUAL PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN (PPSJ) TAHUN 2023 BAGI PEGAWAI SKIM ANTIDADAH GRED S29 DAN S19

Tuan / Puan,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jadual Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan (PPSJ) Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri bagi Skim Antidadah Gred S29 dan S19 bagi tahun 2023 akan dimuat naik ke laman sesawang www.adk.gov.my pada 6 Januari 2023.

3. Semua calon peperiksaan bagi tahun 2023 perlu mengambil perhatian terhadap tarikh peperiksaan yang akan dijalankan. Kerjasama semua Pengarah Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah dimohon agar memuat turun jadual berkenaan dan diedarkan kepada pegawai masing-masing.

4. Bagi pegawai lantikan baharu, calon boleh mengakses sistem e-Peperiksaan di laman sesawang AADK melalui capaian URL <http://ePeperiksaan.adk.gov.my> bagi tujuan pendaftaran.

5. Tarikh bagi permohonan untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan (PPSJ) Siri 1/2023 akan dibuka bermula 6 Januari 2023 (Jumaat) sehingga tarikh tutup permohonan pada 3 Februari 2023 (Jumaat). Peperiksaan ini merupakan peperiksaan perkhidmatan yang perlu diambil oleh Pegawai lantikan baharu bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, boleh menghubungi :

URUS SETIA PEPERIKSAAN

- | | | |
|--|---|----------------|
| i. Encik Mohd Noh Hafifie bin Mapatoba | : | 03 – 8911 2287 |
| ii. Puan Jamilah binti Ahmad | : | 03 – 8911 2291 |
| iii. Puan Suhaidda binti Sulaiman | : | 03 – 8911 2292 |
| iv. Puan Ummy Kalsum binti Jahari | : | 03 – 8911 2293 |

atau e-melkan ke upsmk@adk.gov.my

7. Kerjasama dan perhatian tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“DADAH TERKAWAL 2025”



(HAJI AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN)